



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 JULAI 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

14 JULAI 2023 (JUMAAT)

Harga barang masih terkawal

KPDN nafi harga barang naik mendadak, sentiasa berusaha bantu rakyat

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan dakwaan berhubung kenaikan melampau harga barang di pasaran.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, harga barang pada masa ini masih terkawal dan inflasi berada pada kadar lebih rendah.

"Kadar inflasi mereda dan jika dilihat pada bulan Mei indeks harga pengguna mencatatkan 2.8 peratus berbanding 3.3 peratus pada April," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Outreach Sara Hidup dan Aduan Suri di Hotel De Palma di sini pada Khamis.

Fuziah berkata, kementeriannya sentiasa berusaha untuk membantu rakyat dari segi subsidi dan mengawal harga barang.

Jelas beliau, sebanyak 11 barang di bawah kawalan KPDN masih dikekalkan harga dan tindakan tegas boleh diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Kita tidak dapat



Fuziah (dua dari kiri) menyerahkan simbolik Program Rintis Bantuan Tanpa Tunai kepada salah seorang penerima pada program Outreach Sara Hidup dan Aduan Suri di Hotel De Palma pada Khamis.

mengawal semua harga barang, tetapi boleh menggunakan akta supaya barang tidak dijual terlalu mahal.

"Misalnya kita kawal harga gula rakyat yang dijual RM2.85 sen sekilogram walaupun pengeluar gula mengadu mereka rugi setiap sekilogram gula yang dijual.

"Bagaimanapun kita tetap kekalkan harga tersebut sebab mengetahui rakyat dalam keadaan susah," tambahnya.

Fuziah memberitahu, bagi menangani kos sara hidup, kerajaan sedang berusaha meningkatkan pendapatan rakyat.

Ujar beliau lagi, pelbagai inisiatif diperkenalkan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan rakyat sekali gus menangani kemiskinan dalam negara.

"Buat masa ini kerajaan masih kawal (harga barang)

kerana kita tahu rakyat sedang susah sementara kita berusaha meningkatkan pendapatan rakyat," jelasnya.

Sementara itu, dalam perkembangan yang lain, beliau berkata, seramai 5.8 juta rakyat dalam kategori M40 ke bawah di negara ini layak menerima subsidi minyak masak berikut pelaksanaan rasionalisasi itu pada tahun depan.

"Daripada jumlah itu, seramai 1 juta penerima subsidi minyak masak terdiri dalam kalangan penjaja makanan," katanya.

Menurut beliau, usaha itu sedang berjalan lancar dan ia dijangka dapat diselesaikan selepas pelaksanaan subsidi bersasar petrol RON95 dan diesel.

"Kita dalam proses mengumpul data terperinci untuk pelaksanaan subsidi minyak masak," katanya.

Ipus: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mengadakan Jualan Rahmah di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023.

Menurut KPDN, jualan berkenaan akan berlangsung selama dua hari iaitu pada Sabtu (15 Julai) bermula jam 2.30 petang sehingga 10 malam, manakala pada Ahad (16 Julai) bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang dengan harga jualan barang keperluan 10

KPDN ANJUR JUALAN RAHMAT

Harga barang 30 peratus lebih murah

hingga 30 peratus lebih murah.

Antara vendor yang mengambil bahagian dalam jualan kali ini ialah pasar raya berdekatan kawasan itu dan agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Farma).

KPDN memaklumkan antara senarai barang keperluan harian yang akan

Antara vendor yang mengambil bahagian ialah pasar raya berdekatan, agensi kerajaan seperti LKIM dan Farma.

dijual sepanjang jualan ini berlangsung ialah ayam, ikan, hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum dan beras.

Turut dijual sayur-sayuran dan buah-buahan, barang penjagaan diri, barang pembersihan rumah, lampin pakai buang, barang keperluan sekolah dan lain-lain barang keperluan.

Program Jualan Rahmah adalah program jualan barang keperluan harian terdiri daripada barang makanan dan barang bukan makanan yang dikategorikan sebagai barang keperluan harian.

Program ini dilaksanakan dengan pembabitan peruncit pasar raya besar, pasar raya, pasar raya mini dan kedai runcit yang digalakkan memberi pengurangan harga barang semasa program jualan berlangsung antara 10 sehingga 30 peratus berbanding harga pasaran bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pelbagai program menarik akan disajikan sempena pelancaran itu diikuti Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di Dataran Putrajaya manakala Sambutan Hari Malaysia pada 16 September berlangsung di Kuching, Sarawak.

Selain itu, antara program yang akan dilaksanakan ialah 6,600 Langkah Perpaduan, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 dan Pelepasan Konvoi Kembala Merdeka Jalur Gemilang (KMJG 2023).

KPDN Kedah rampas 3,800 liter diesel bersubsidi

Alor Setar: Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kedah memrampas 3,800 liter minyak diesel bersubsidi bernalai RM28,170 dipercayai diseleweng dalam serbuan di sebuah stor di kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, kelmarin.

Pengarah KPDN Kedah Affendi Rajini Kanth berkata, dalam serbuan jam 10 malam itu hasil sumber risikan KPDN Putrajaya, pagar stor tanpa lesen itu berkunci dan tiada orang di situ.

"Hasil pemeriksaan telah menjumpai empat unit IBC

tank (*intermediate Bulk Container*) yang berisi minyak diesel, satu unit IBC tank kosong, dua unit Skid Tank dan peralatan disyaki digunakan untuk aktiviti penyelewengan," katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Affendi berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau menegaskan KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam sindiket dan aktiviti penyelewengan barang kawalan itu.

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my'

Johor Bahru

Pakatan sulit antara warga tempatan dan warga asing bagi menjalankan kegiatan penyelewengan diesel subsidi dalam skala besar.

Itu tindakan sekumpulan individu yang diberkas Pasukan Polis Marin Wilayah Dua sebelum merampas 60,700 liter diesel bersubsidi hasil serbuan di sebuah premis di Masai, di sini.

Timbalan Ketua Polis Johor Deputi Komisioner M Kumar berkata, hasil serbuan menerusi Op Taring Landai jam 1.35 tengah hari kelmarin, polis menahan 10 lelaki tempatan dan warga asing.

Katanya, minyak diesel yang dirampas dianggarkan

Polis kesan dalang utama!

Warga tempatan, warga asing kerjasama jalan kegiatan seleweng diesel subsidi skala besar

bernilai RM149,000 manakala nilai lori dan aset yang dirampas RM1 juta.

"Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM1.162 juta. Premis ini dijadikan tempat penyimpanan dan memproses minyak diesel bersubsidi.

"Pihak kami masih me-

nyiasat berapa lama sindiket yang disyaki dalam penyelewungan minyak diesel bersubsidi beroperasi," kata-


Kumar berkata, 10 lelaki ditahan terdiri daripada tujuh lelaki tempatan dan tiga lelaki warga asing berusia 29 hingga 61 tahun.

Katanya, individu ditahan adalah pekerja dan pemandu lori.

"Kita masih menyiasat siapa dalang di sebalik kegiatan ini," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 2002) dan Seksyen 12 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Nilai keseluruhan
rampasan berjumlah
RM1.162 juta



TANGKI penyimpanan diesel bersubsidi yang ditemui di sebuah premis di Masai.

'Jual minyak masak peket pada kumpulan bersasar tahun depan'

KUALA SELANGOR — Kerajaan dijangka melaksanakan pembelian minyak masak peket kepada kumpulan bersasar pada tahun depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Fuziah Salleh berkata, sebanyak 5.8 juta isi rumah daripada golongan B40 dan M40 telah dikenal pasti dan layak berada dalam kumpulan bersasar itu.

Katanya, kementerian juga akan menambah lagi hampir semua dalam kalangan peniaga mikro yang memerlukannya se-

perti penjual ayam gunting, pisang goreng dan keropok lekor.

"Sekarang kita telah mewujudkan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) iaitu agensi di bawah Jabatan Statistik dengan semua data perlu dikemas kini dan dibersihkan.

Data ini akan ada paling awal hujung tahun sebab sebelum ini data kita merata-rata seperti eKasih, zakat. Kita ada anggaran 5.8 juta isi rumah dan dianggarkan hampir satu juta untuk peniaga mikro. Jadi mereka (peniaga) kena daftar dengan

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)," katanya selepas merasmikan Outreach Sara Hidup dan Aduan Suri Peringkat Selangor semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan isu kekurangan minyak masak peket kembali menghantui pengguna berikutnya barangan itu sukar didapati di premis perniagaan sejak minggu lalu khususnya di negeri utara Semenanjung.

Fuziah menjelaskan, kuota minyak masak peket negara adalah 65,000 metrik tan sebulan yang bersamaan 60 juta peket

sebulan.

"Kalau ikut kumpulan sasar mereka (peniaga mikro) tidak masuk, tetapi kita sedar bahawa para peniaga mikro ini memerlukannya, sebab itu kita tidak mengambil tindakan, namun pengusaha restoran kita memang tidak diberi.

"Lagipun, sistem sebelum ini subsidi pukal. Letak sahaja di pasar, sesiapa boleh beli termasuk T20 malah warga atau pekerja asing," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pelaksanaan itu bagaimana-

pun berkemungkinan akan dilakukan selepas pembelian minyak diesel dan RON 95.

"Sebab kalau tengok bahan bakar subsidi seperti diesel, RON95 serta gas petroleum cecair (LPG), kita membelanjakan subsidi sebanyak RM30 billion tahun lalu.

"Minyak masak pula RM2.4 bilion. Jadi, dari segi keutamaan lambat sikit. Namun KPDN bertanggungjawab dalam minyak masak ini dan kita boleh memberikan tumpuan berbanding diesel di bawah Kementerian Kewangan (MOF)," katanya.

Tak perlu perbincangan berulang, PERNAS diwarta bawah KUSKOP - Menteri

KUALA LUMPUR - Keputusan meletakkan Perbadanan Nasional Bhd (PERNAS) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah diwarta dalam kabinet awal tahun ni dan penetapan itu harus dikekalkan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, keputusan itu dicapai melalui perbincangan beliau bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub serta turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 22 Disember tahun lalu.

Menurutnya, Perdana Menteri memutuskan PERNAS akan terus kekal di bawah KUSKOP sementara KPDN pula sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada akta membabitkan francis dan mengawal

selia industri berkenaan.

"Saya maklum hasrat Menteri KPDN selepas pertemuan tersebut yang berhasrat mahu PERNAS diletakkan di bawah kementeriannya.

"Saya ingin jelaskan keputusan letak PERNAS di bawah KUSKOP telah diwarta dalam kabinet awal tahun ni dan saya percaya keputusan itu harus kekal," katanya pada Khamis.

Salahuddin pada Jumaat lalu memberitahu KPDN berhasrat mahu meletakkan kembali PERNAS di bawah kementerian itu bagi menyelaras industri francis di bawah satu kementerian sahaja.

Salahuddin turut berkata, beliau telah menulis surat kepada Perdana Menteri awal tahun ini sejurus menerajui kementeriannya memohon supaya PERNAS diletakkan di bawah KPDN.

Pernas kekal bernaung di bawah Kuskop

Kuala Lumpur: Perbadanan Nasional Bhd (Pernas) akan terus kekal di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) seperti yang telah diputuskan oleh Kabinet awal tahun ini, kata menteri berkenaan Datuk Ewon Benedick.

Beliau berkata siri perbincangan Kuskop bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 22 Disember tahun lepas menyatakan Pernas akan terus

ekkal di bawah Kuskop.

"Oleh itu, keputusan meletakkan Pernas sebagai agensi di bawah Kuskop telah diwartakan dan diputuskan dalam mesyuarat Kabinet awal tahun ini dan saya percaya keputusan itu harus kekal."

"Bagaimanapun, sekiranya ada hasrat KPDN untuk berbincang lebih lanjut, Kuskop sedia berjumpa dan menyatakan pandangan kita seperti mana yang telah kita nyatakan pada pertemuan sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pecah Tanah The Jardin Sentul disini, baru-baru ini.



MEDIA ONLINE (KPDN)

14 JULAI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Jul	KPDN nafi harga barang naik mendadak	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/268001	SH
14-Jul	Harga barang di pasaran masih terkawal – Fuziah	https://utusantv.com/2023/07/13/harga-barang-di-pasaran-masih-terkawal-fuziah/	UMTV
14-Jul	KPDN Bintulu inspects 4,279 business premises as of June 30	https://www.theborneopost.com/2023/07/13/kpdn-bintulu-inspects-4279-business-premises-as-of-june-30/	THEBORNEOPOST
14-Jul	KPDN extends Ops Manis until end of this month	https://themalaysianserve.com/2023/07/13/kpdn-extends-ops-manis-until-end-of-this-month/	THEMALAYSIANRE-SERVE
14-Jul	KPDN: 59 kes pelbagai kesalahan libatkan sitaan RM1 juta direkodkan, 4,279 premis diperiksa	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/13/kpdn-59-kes-pelbagai-kesalahan-libatkan-sitaan-rm1-juta-direkodkan-4279-premis-diperiksa	UMBORNEO
14-Jul	Jualan Rahmah sempena pelancaran Bulan Kebangsaan 2023	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/987165/jualan-rahmah-sempena-pelancaran-bulan-kebangsaan-2023	HM
14-Jul	Rahmah Sales in conjunction with National Month, Kibar Jalur Gemilang 2023 launch	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/930492/rahmah-sales-conjunction-national-month-kibar-jalur-gemilang-2023-launch	NST
14-Jul	Jualan Rahmah sempena pelancaran Bulan Kebangsaan 2023	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-sempena-pelancaran-bulan-kebangsaan-2023-427878%3famp=1	ASTROAWANI
14-Jul	Rahmah Sales in conjunction with National Month, Kibar Jalur Gemilang 2023 launch	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2205980	BERNAMA

14-Jul	KPDN serbu stor transit diesel diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1125871/kpdn-serbu-stor-transit-diesel-diseleweng	BH
14-Jul	Stor transit diesel di Bukit Kayu Hitam diserbu	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67240-lokasi-transit-seludup-diesel-di-bukit-kayu-hitam-diserbu	BERITARTM
14-Jul	KPDN laksana pembelian minyak masak paket bersasar	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67283-kpdn-laksana-pembelian-minyak-masak-paket-bersasar	BERITARTM
14-Jul	KPDN laksanakan pembelian minyak masak paket bersasar tahun depan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/987375/kpdn-laksanakan-pembelian-minyak-masak-paket-bersasar-tahun-depan	HM
14-Jul	Kaedah beli minyak masak peket kumpulan sasar mula tahun depan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/13/kaedah-beli-minyak-masak-peket-bagi-kumpulan-sasar-mula-tahun-depan/	FMT
14-Jul	Minyak paket bersasar dilaksana tahun depan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/minyak-paket-bersasar-dilaksana-tahun-depan/	UM
14-Jul	Pembelian minyak masak paket bersasar dijangka mula tahun depan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1126130/pembelian-minyak-masak-paket-bersasar-dijangka-mula-tahun-depan	BH
14-Jul	Minyak masak peket kumpulan sasar dijangka dilaksana tahun depan	https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/kpdn-jangka-terima-lebih-40000-aduan-kepenggunaan-tahun-ini/	KOSMO
14-Jul	KPDN jangka terima lebih 40,000 aduan kepenggunaan tahun ini	https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/program-jualan-rahmah-bergerak-di-kolej-tingkatkan-enam/	KOSMO

14-Jul	Program Jualan Rahmah bergerak di Kolej Tingkatan Enam	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2023/07/987524/tunjuk-trend-mereda	HM
14-Jul	Tunjuk trend mereda	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2206307	BERNAMA
14-Jul	KPDN Perak tumpaskan sindiket seleweng diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2206311	BERNAMA